

**26 JANUARY 2023**

**SIARAN MEDIA**

**GEORGE TOWN WORLD HERITAGE INCORPORATED**

### **SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH ISO 37001:2016 GTWHI**

George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah mencapai kejayaan baru dengan memperolehi pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001:2016 oleh British Standards Institution (BSI). Pensijilan yang diakreditasi ini berkuatkuasa pada 7 Disember 2022 dan sah sehingga 6 Disember 2025.

Dipimpin oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow selaku pengerusi lembaga pengarah GTWHI, pasukan pengarah dan kakitangan GTWHI adalah komited dalam mencegah, mengesan dan bertindak pantas terhadap sebarang risiko dan tindakan yang berkaitan dengan rasuah.

Pensijilan ISO 37001:2016 ini telah mengukuhkan sistem semakan dan kawalan dalaman GTWHI dalam menilai dan menambah baik langkah pengurusan pencegahan anti-rasuah. Pengiktirafan ini juga akan meningkatkan keyakinan kalangan pemegang taruh di tempatan dan antarabangsa terhadap GTWHI sebagai sebuah Agensi Pengurusan Tapak Warisan Dunia Unesco George Town, Pulau Pinang yang memegang piawaian integriti yang optimum dalam semua interaksi dan usaha profesional, dengan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah.

Kakitangan GTWHI adalah dilatih dan dipupuk dengan budaya kerja berintegriti dengan mematuhi undang-undang dan peraturan anti-rasuah. Adalah wajib bagi pemegang taruh GTWHI untuk menandatangani Borang Deklarasi Integriti GTWHI dan membaca Polisi Anti-Rasuah dan Penyelewengan GTWHI. Orang ramai boleh memuat turun Polisi Anti-Rasuah dan Penyelewengan ini daripada laman web GTWHI ([www.gtwhi.com.my](http://www.gtwhi.com.my)). Sila hubungi Unit Integriti GTWHI untuk pertanyaan lanjut berkenaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001:2016 GTWHI.

GTWHI mengucapkan jutaan terima kasih kepada Unit Integriti Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang atas bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang proses pensijilan ini sejak tahun 2020.